

CEMBURU

(Disusun oleh: Putera Abadi)

Saiyidina Umar bin al-Khattab Radi Allahu ‘a *raḍīya Allāhu ‘anhu* menoleh kebelakang, kelihatanlah isterinya seperti biasa berdiri dalam saf sembahyang menyembah Tuhan. Mukanya naik pucat, warna kulitnya berubah, hatinya menggigit sakit dan merasa tusukan yang memilukan. Saiyidina Umar mempunyai satu sifat yang khas, sifat yang menyakitkannya dalam banyak ketika.

Isterinya sembahyang bersama-sama dengan perempuan yang baik-baik iaitu sahabat-sahabat perempuan yang mulia di masjid Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*. Apakah gerangannya dalam hal ini? Tidak ada apa-apa pun. Dia seorang perempuan yang sentiasa mengambil berat dalam perkara kebajikan, ilmu pengetahuan, kebaikan dan keberkatan yang dikurnia Tuhan *Subhānahu wa Ta’āla*. Inilah peluang keemasan. Berdosalah mereka yang tidak merebut dan mengambil peluang ini. Berdosa besar!

Dalam masjid Rasul sentiasa ada kebaikan. Tuhan melimpahkan rahmat ke atas hambanya, melimpahkan kasih sayang dan penjagaannya. Apa khabar Umar? Muka engkau telah pucat lesi, warna kulit berubah, sendi tulang telah menggigil. Seolah-olah engkau tidak sukakan isteri engkau Atikah bersama-sama dengan engkau di masjid,

mendapat kelebihan yang banyak dan nikmat yang besar?

Memang benar, Saiyidina Umar tidak suka isterinya keluar dari rumah sekali-kali. Belum pun isterinya selesai sembahyang, Saiyidina Umar berfikir dengan agak mendalam.

Mengapakah dia (isterinya) tidak sembahyang di rumah sahaja? Dia cantik, sebab itu Saiyidina Umar cemburu terhadapnya. “Mengapa tidak sembahyang di rumah sahaja?” soalan inilah yang berputar dalam kepalanya, tetapi jawapannya tidak juga menjelma tiba.

Setelah fikirannya tenang, lantas ia berazam hendak menegah isterinya supaya jangan keluar sembahyang di masjid tetapi setelah berulang-ulang ia memikirkan didapati itu hanya menyakitkan hatinya sendiri. Apakah yang akan dikatakannya kepada isterinya nanti? Apakah ia akan berkata kepada isterinya: “Tak usahlah engkau pergi sembahyang lagi di masjid Rasulullah?” Tidak, tidak, itu melampau. Ia tidak tergamak mengemukakan perkataan ini kepada isterinya - sekalipun ia bercita-cita supaya isterinya sembahyang di tempat yang suci ini, tempat yang dianggap mendapat kebaikan, beroleh ketenangan hati dan roh. Di sini

rahmat dan keberkatan turun menjelma, kebajikan melimpah ruah. Di sinilah perempuan-perempuan yang taat setia, suci bersih lagi baik bersembahyang. Kehadiran isterinya itu sudah tentu mendapat kebaikan yang banyak. Tidak syak lagi – tetapi suatu perkara yang menyakitkannya, menjadikan ia merana, ialah perjalanan isterinya, dari rumah ke masjid seorang diri pada waktu malam buta, sebelum fajar menyingsing. Ia yakin dan percaya terhadap isterinya, tidak ragu-ragu tentang kesucian dan baik tingkah lakunya. Tetapi, siapa tahu, jiwa manusia cenderung kepada kejahatan, rindu kepada kesesatan dan kosakan¹. Manusia, dalam masa mana pun tidak terlepas dari hasutan syaitan, sekalipun tidak mendapat faedah, sebaliknya mendapat kecelakaan dan kemusnahan.

Begitu juga ia menaruh kepercayaan terhadap sahabat-sahabat yang lain, tetapi siapa tahu, barangkali ada yang memandang dan memperdaya perempuan-perempuan itu termasuk isterinya juga.

Bila mana fikirannya sampai ke tingkat ini, badannya menggigil dan menggeletar hebat, lalu ia berkata dengan suara yang antara dengar dengan tidak: “inilah perkara yang menyakiti dan menyedihkan aku. Mengenangkan ini, seolah-olah menajamkan duri yang telah tajam, yang menikamkan badan dari semasa ke semasa. Oh! Tuhan, apakah yang harus ku buat?”

Satu jalan yang harus dibuatnya, ialah mencegah isterinya supaya jangan lagi pergi ke masjid sebelum fajar menyingsing, kerana inilah masa yang sangat ditakuti dan membimbangkan. Adakah ia akan menerangkan perkara

ini kepada isterinya?

Kalau ia menerangkan kepada isterinya, mungkin isterinya menyangka bahawa ia masih ragu-ragu kepadanya, atau menaruh syak wasangka dalam tingkah lakunya. Seseorang perempuan cepat menaruh sangkaan terhadap suaminya. Jadi Saiyidina Umar tidak ingin menceritakan berterus terang kepada isterinya.

Kalau Saiyidina Umar menyembunyikan perasaan ini, tentulah pula badannya merana sepanjang masa. Cukuplah dengan hanya mencegah isterinya supaya jangan keluar. Tetapi ia tidak tergamak mengeluarkan alasan, mengapakah ia mencegah isterinya, tentulah perkara ini tidak tamat setakat ini sahaja, bahkan akan berpanjangan menjadi buah mulut orang. Inilah yang tidak diingini oleh Saiyidina Umar dan tidak disetujuinya

Dia berfikir sejenak mencari jalan bagaimana hendak mencegah isterinya atau melukakan kebesarannya. Sebenarnya, Saiyidina Umar sangat-sangat cemburu terhadap isterinya, hatinya menyala-nyala kepanasan, sewaktu ia lihat isterinya dalam masjid bersama-sama dengan beberapa orang perempuan. Ia cuba menekan dan menundukkan kepanasan hatinya tetapi tidak berjaya. Apakah perasaan ini (cemburu) dicela?

Tidak! Tidak dicela, kerana suara Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dengan lantangnyanya memberitahu: Dayuslah mereka yang tidak menaruh cemburu terhadap isterinya” apakah perbuatan Saiyidina Umar ini telah melampaui had? Sudah pasti dia akan meluluskan cita-citanya. Itulah jalan yang benar, jalan yang betul.

Tetapi, kembali semula ia mencela isterinya dengan

¹ Perkataan sebenar ialah kerosakan

bengis dan marah, ia seorang yang berdasarkan kenyataan dan akan hidup secara kenyataan dan berterus terang. Ia tidak tahu selain daripada berterus terang. Cukuplah ia mengelokkan niatnya dan tujuannya yang baik terpuji. Cita-citanya ialah kebajikan untuk isterinya, dirinya dan manusia umumnya.

Kenangannya kembali semula ke masa lampau. Teringatlah ia apa yang ada pada isterinya, Atikah binti Zaid. Mempunyai kehormatan, kemasyhuran cantik parasnya dan mempunyai akal fikiran yang tajam, ia telah berkahwin dengan isterinya setelah suaminya, Abdullah bin Abu Bakar al-Siddiq yang sangat menyayanginya, meninggal dunia. Abdullah sangat kasih kepada isterinya itu sehingga ia pada suatu ketika dalam masa ia bergurau senda dengan isterinya terlalai daripada menunaikan sembahyang Jumaat. Apabila hal ini diketahui oleh ayahnya, Saiyidina Abu Bakar, marahlah Saiyidina Abu Bakar lalu mengherdiknya dengan berkata:

“Abdullah! Sudahkah engkau menunaikan fardu Jumaat?”

Abdullah terkejut mendengar pertanyaan ini. Baharulah ia teringat akan sembahyang Jumaat. Ia lupa bahawa hari itu, ialah hari Jumaat. Segala tulang sendinya menggigil ketakutan kepada ayahnya ia pun bertanya: “Orang ramai sudahkah sembahyang?”

“Sudah sembahyang, wahai Abdullah! Atikah binti Zaid sudah menjadikan engkau lupa dari menunaikan kewajipan terhadap Tuhan. Dia melupakan engkau menunaikan fardu sembahyang - fardu Jumaat.”



Sewaktu pemandangan dalam salah sebuah masjid di negeri “Mali” – Afrika Barat. Dalam gambar kelihatan perempuan-perempuan Islam Afrika sedang berdiri sembahyang dengan khusyuk – di barisan belakang yang berasingan daripada kaum lelaki.

Kata-kata ini, seolah-olah petir halilintar memamah di kepala Abdullah. Dia tahu keberangan ayahnya itu, dan ayahnya itu tidak akan marah kecuali kerana Allah. Kemarahannya pula bukan alang kepalang keberangannya. Ia diam membisu semoga keributan itu akan hilang.

“Engkau ceraikan dia” kata Saiyidina Abu Bakar dengan suara yang penuh harapan dan perintah.

Abdullah mengikut sahaja. Ia menceraikan isterinya dengan talak satu. Menyesallah ia kemudiannya. Sesal sekali. Ia merana dan menderita kerana cintanya kepada isterinya amat mendalam.

Begitulah sentiasa hari Abdullah menanggung rindu, hingga ayahnya kasihan melihat anaknya itu berduka

lara lalu dibenarkan ia rujuk kembali isterinya yang disayanginya itu, tetapi dengan syarat hendaknya janganlah kerana isterinya itu ia melupakan kewajipan terhadap Tuhan.

Saiyidina Umar mengenangkan perkara itu semuanya, dan teringatlah bahawa ia telah berkahwin dengannya setelah Abdullah bin Abu bakar meninggal dunia, isterinya itulah satu-satunya contoh utama, tepati janji dan penuh kejujuran, serta cantik pula parasnya. Ia seorang perempuan yang jarang dapati tandingan, kerana ada padanya keistimewaan-keistimewaan yang banyak, menjadi idaman kaum lelaki dan menjadikan suami mengasihi dan menyayanginya.

Kerana itulah Saiyidina Umar bercita-cita ingin berterus terang, tidak menyembunyikan sesuatu apa pun kepadanya. Oleh itu ia pun berkata kepada isterinya dengan lemah lembut:

“Demi Tuhan, sesungguhnya engkau mengetahui bahawa aku tidak sukakan perkara ini”

“Demi Tuhan, aku tidak akan berhenti hingga engkau menegahkan aku” Jawab isterinya pula dengan penuh kesungguhan.

“Aku tidak menegahkan engkau” Jawab Saiyidina Umar dengan ringkas.

Saiyidina Umar tidak ingin menanggung dosa kerana menegahkan isterinya bersembahyang di masjid Rasulullah *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*. Tegahan ini adalah berdosa besar.

Kerana itu, sentiasalah isterinya Atikah binti Zaid

bersembahyang di masjid sehinggalah pada suatu hari Saiyidina Umar jatuh tertikam di tangan penderhaka yang berdosa iaitu seorang Majusi, hamba kepada Mughira bin Shu’ba

* * *

Hari berganti hari, kejadian-kejadian silih berganti, kesusahan dan penderitaan banyak berlaku. Sesuatu yang berlaku dalam dunia ini tidak berhenti-henti hingga sampai kepada ketetapan yang dikehendaki Tuhan.

Atikah pula berkahwin dengan al-Zubair bin al-Awwam seorang sahabat Nabi yang terkenal.

Atikah yang cantik parasnya menyebabkan tercetuslah pula api kecemburuan di hati suaminya al-Zubair, sebagaimana yang telah tercetus di hati Saiyidina Umar bin al-Khattab dahulu. Walau bagaimanapun belum nampak jalan-jalan yang boleh membenarkan isterinya ke masjid, tidak juga untuk keluar sembahyang Subuh pada waktu yang tidak begitu selamat. Inilah yang merunsingkan hati al-Zubair.

“Atikah! Tak usahlah keluar ke masjid” kata Zubair dengan tiba-tiba pada suatu hari dengan penuh harapan dan tulus ikhlas.

Isterinya tercengang mendengar permintaan ini. Hairan benar, mengapakah suaminya melarangnya pergi ke masjid sedang dia sewaktu menjadi isteri Umar bin Al-Khattāb dahulu dibenarkan? Mengapa dia dilarang jangan pergi ke masjid? Apakah sebab-sebabnya yang menegah dia ke masjid? sedang di masjid tidak ada apa-apa pun selain dari kebajikan. Mengapakah sekarang ini Zubair pula mencuba

hendak melakukan satu perkara yang telah dicubakan oleh Umar kepadanya dahulu? Ketahuilah dia bahawa semuanya itu ialah sifat cemburu, cemburu seorang Islam yang menjaga isterinya hingga tidak ingin ada sebiji mata pun yang memandang kepadanya, atau ada orang yang bercakap-cakap dengannya walau sepecah perkataan pun, atau pun dengan suatu isyarat, atau dengan lainnya. Dia (Atikah) mengetahui bagaimana hendak menjaga dirinya. Oleh itu, tak usahlah cemburu dengan cemburu yang membunuh ini, yang telah menyebabkan al-Zubair menjadi mangsanya seperti mana Umar juga menjadi mangsanya pada masa yang lampau. Dia (Atikah) tetap dengan pendiriannya, tidak ada sesuatu yang dapat menghalangnya, lalu menjawab dengan tenang:

“Wahai Ibn al-Awwam adakah kerana cemburu, engkau mencegah supaya aku meninggalkan masjid, tempat sembahyang aku bersama-sama Rasulullah, Abu Bakar dan Umar dahulu?”

Zubair berfikir sejeurus, lalu berkata sambil tunduk:

“Aku tidak menegahkan engkau”. Ia terpaksa berkata demikian, sedang hatinya masih mencari jalan untuk melarang isterinya supaya jangan ke masjid.

* * *

Muka Zubair penuh berseri, matanya bersinar-sinar kegembiraan. Ia mendapat satu jalan, jalan tipu helah yang cemerlang. Hatinya pun tenang, lalu menjalankan rancangannya dengan senang hati, dengan dada yang lapang terbuka. Dialah semulia-mulia makhluk. Tidak ada orang yang sangat-sangat gembira pada hari itu daripada Zubair bin al-Awwam. Ia berjalan mundur mandir dengan sukacitanya, berjalan

ke sana ke mari dari satu tempat ke satu tempat dengan penuh semangat.

Setiap orang melihatnya menaruh bimbang, tetapi kebimbangan itu tidak dizahirkan kerana menghormati Zubair yang berkedudukan mulia dan tinggi dalam kalangan sahabat-sahabat Nabi.

* * *

Gelap malam telah menjelma tiba, Zubair bergembira ria. Seolah-olah pada malam yang gelap gelita itu ada satu rahsia yang diketahui olehnya seorang sahaja - tidak diketahui oleh orang lain. Pada masa itu ia tidak dapat memejamkan matanya. Sekali sekala ia terasa mengantuk tetapi ia melawannya dengan keras. Ia takut kalau-kalau masa yang dikehendakinya akan terlepas – ia ingin bangun sebelum fajar menyinsing.

Zubair telah menang, dia terbaring seperti orang yang tidak mendengar sesuatu suara, tidak pula merasa sesuatu perkara. Sebenarnya ia masih terjaga, ia menunggu ketibaan saat keemasan yang sangat dikehendakinya. Sangat yang ia harap mendapat taufik Tuhan dalam menyempurnakan kepentingan dirinya. Semoga hal ini tidak diketahui oleh isterinya.

Keluarlah Zubair perlahan-lahan sebelum fajar menyinsing, malam gelap gelita. Suasana pada malam itu tenang dan hening, sunyi dan sepi. Keluarlah ia dengan hati yang penuh keberanian, tidak mengenal ketakutan, tidak takut menempuh dugaan. Kepalanya membuat seribu rancangan. Sampailah ia ke suatu tempat yang bernama “Saḳīfah Bani Sā‘adah” tidak berapa jauh dari masjid, lalu bersembunyi di situ.

Berdiamlah ia di tempat yang gelap, ia nampak melihat orang berjalan, tetapi orang lain tidak melihatnya di sinilah ia akan melihat perjalanan isterinya menuju ke hala masjid. Tak lama lagi akan sampailah isterinya. Perasaannya bergelora. Ia akan mengusik dan memeranjatkan isterinya pada malam yang gelap itu. Mungkin isterinya akan menganggapkannya hantu atau jin mambang yang akan mengusik dan menggodanya atau mungkin juga isterinya tidak akan terperanjat dan takut. Bahkan sebaliknya berani menempuh ujian itu dan akan menangkapnya dan menjerit-jerit. Jadi akan terdedahlah pekerjaannya, dan akan terbukalah rahsianya, rahsia yang sangat marabahaya – rahsia yang akan disembunyikan selama-lamanya supaya tidak diketahui oleh sesiapa pun.

Oh! Tuhan, apakah yang akan dilakukannya sekarang ini? Keraguan ini tak memberi faedah dan manfaat pun, bahkan semakin rumitkan lagi. Ia sekarang akan menyelesaikan perkara ini dengan secepat mungkin hingga jiwanya akan tenang dan tenteram dari keraguan yang menyakitkan ini. Tetapi apakah akan jadi sekiranya perkara ini terbuka?.

Zubair mendiamkan dirinya, dua matanya bernyala-nyala tajam menembusi kegelapan malam itu. Terkhayallah olehnya seolah-olah terdengar suara gerakan harus memecah kesunyian malam.

Masa telah berlalu hingga menjemukan akhirnya datanglah isterinya dengan penuh ketenangan dan keberanian berselubung lingkup dengan kain selendangnya berjalan pada malam yang gelap gelita itu. Belum pun sampai dekat dengan suaminya yang sedang bersembunyi, tiba-tiba dia

menggigil lalu menjerit dan berkata “Apa celakalah engkau!”

Pada masa itu seolah-olah dia tidak mendengar sesuatu apa pun, dan tidak mengetahui apa yang di sekelilingnya. Manakah jalan hendak ke rumah dan manakah jalan ke masjid? Jalan yang dihadapkannya sama sahaja pada pandangannya. Dunia bertambah gelap dan gerun.

Beberapa detik telah berlalu. Dia telah sedar diri terkejutnya. Didapati semuanya benar berlaku – bukanlah khayal.

Kembalilah isterinya yang suci bersih itu ke rumahnya menggigil ketakutan. Badannya seram sejuk, nafasnya turun naik dengan cepat. Siapakah gerangannya orang yang melakukan kejahatan itu? Apakah yang dikehendaki daripada itu? Oh Tuhan, bagaimanakah perkara ini boleh terjadi di waktu Rasulullah menaburkan cahaya keimanan dan takwa? Menanam benih pertunjuk dan kebajikan segenap hati manusia? Bagaimana boleh terjadi bagaimana? Apakah pada masa yang suci ini ada orang-orang yang mengintai-intai kepada perempuan yang berjalan ke masjid dan akan menyentuh tubuh badannya? Alangkah celaka dan buruknya!!.

Pada malam yang mulia ini, mala, orang-orang mukmin sedang merebut peluang beribadah menyembah Tuhan, bersembahyang dan mendampirkan dirinya ke hadrat Tuhan Yang Maha Besar, tiba-tiba si penderhaka yang berdosa itu mengambil peluang untuk berbuat jahat, seolah-olah ia tidak takutkan Tuhan yang menjadikannya dan menjadikan yang lain-lain semuanya.

Bagaimanakah orang jahat ini boleh melupakan Tuhan sedang Tuhan melihat, mendengar dan mengetahui

segenap rahsia yang tersembunyi dalam sudut hatinya?

Bagaimana ia boleh lupa terhadap Tuhannya, bersembunyi dalam gelap gelita itu untuk menjahanamkan bumi ini dengan kerosakan?

Atikah berkira hendak kembali berhadapan dengan penjahat itu untuk memenggal kepalanya dengan pedang. Dia telah tersalah kerana tidak menangkapnya dan tidak meminta pertolongan orang, kalau dia telah melakukan ini, tentulah orang ramai akan berkerumun dan memukulnya serta memberi habuan yang selaras dengan perbuatannya itu.

Orang jahat itu telah melakukan apa yang telah berlaku, tetapi ia masih dalam keselamatan, tidak menerima balasan yang wajar, dan tidak menerima azab sengsara yang menyakitkan, mungkin ia sedang berfikir pula untuk menangkap mangsanya yang lain lagi.

Ini adalah satu bala, kata Atikah dalam hati, dia wajib menghapuskannya. Ini juga satu penyakit dia akan membasminya dari tunjang-tunjangnya sekali.

Adakah Atikah akan menceritakan segala apa yang berlaku itu kepada suaminya, atau akan menyembunyikannya sahaja? Dia sebagai seorang isteri, wajib menceritakan kepada suaminya apa yang telah berlaku, kemudian tesaerahlah kepada suaminya untuk bertindak, adakah ia akan membiarkan isterinya ke masjid seperti biasa atau pun akan melarangnya?

Atikah kembali tenang, dan berfikir dengan waras dan akal fikiran yang siuman, dia mencampakkan perasaan hatinya ke sebelah. Kalau dia menyembunyikan perkara

ini tentulah akan menyakiti sanubarinya, jiwanya tidak tenteram, dan hidupnya tidak tenang. Kerana insaf dan taat terhadap suaminya, dia akan menceritakan semuanya.

Oh Tuhan! Apakah kesudahannya sekarang ini, suasana alam telah rosak? Hanya satu jalan sahaja iaitu tidaklah lagi pergi ke masjid, mencukupi hanya sembahyang di rumah sahaja. Tetapi, meninggalkan sembahyang berjemaah bersama kawan-kawan sesama perempuan adalah menyakitkannya pula, tidak pergi sembahyang di masjid Rasulullah adalah satu perkara yang menyusahkan dirinya.

Dalam saat itu masuklah Zubair lalu didapatinya isterinya Atikah sedang sugul.

Ia merasa hairan kerana isterinya dalam kandungan sihat dan afiat tetapi tidak ke masjid.

“Mengapa awak terlewat sembahyang hari ini? Ada sakit apa-apa?” tanya suaminya.

Atikah diam seketika. Dia merasa kepedihan menyucuk dirinya, hatinya sakit berduka, kerana mengenangkan si penjahat yang durjana itu, yang telah mengendapnya di pertengahan jalan malam tadi, akhirnya berkatalah dia:

“Tuhan memberi rahmat kepada engkau. Oh! Ayah Abdullah, suasana alam telah rosak.”

Zubair pun fahamlah segala-galanya.

(Dipetik dari “*Suwar Dīnahu*” oleh Abdul Hafiz

Abu Saud Mesir)